



KEMPEN KIBAR BENDERA HARI WILAYAH DI PUTRAJAYA BERMULA DENGAN PENUH SIMBOLIK

PUTRAJAYA, 14 JANUARI 2024 - Perbadanan Putrajaya (PPj) hari ini mengadakan Majlis Penyerahan Bendera Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2024 yang disempurnakan oleh YBhg. Dato' Fadlun bin Mak Ujud, Presiden Perbadanan Putrajaya di Padang Kompleks Kejiranan Presint 9, Putrajaya.

Majlis ini adalah simbolik bermulanya Kempen Kibar Bendera Hari Wilayah di Putrajaya melalui sesi penyerahan bendera kepada semua pengerusi Zon dan sub zon Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan (MPPWP) Putrajaya selaku ketua komuniti di Putrajaya. Sebagai gimik pelancaran, kesemua penerima telah menerima bendera Wilayah yang siap sedia untuk dikibarkan oleh Unit Berkuda, Penguatkuasa Perbadanan Putrajaya.

Edaran bendera pada hari ini turut dibuat kepada 60 Pihak Persatuan Penduduk, 54 Kawasan Rukun Tetangga dan juga 27 buah sekolah di Wilayah Persekutuan Putrajaya dengan jumlah 10,000 helai bendera kesemuanya.

Sempena 50 Tahun menelusuri kemajuan dan kemakmuran wilayah persekutuan, Perbadanan Putrajaya sentiasa berusaha memperkasakan sifat kebersamaan antara komuniti setempat dalam penganjuran kempen kibaran bendera Wilayah Persekutuan sempena SHWP 2024 agar cerminan kemajmukan wilayah Persekutuan dapat di rasai bersama.

Dalam masa yang sama, majlis ini juga turut dimeriahkan lagi dengan program Langkah Ceria Komuniti Putrajaya (Edisi Penyerahan Bendera Wilayah Persekutuan),

Jualan Murah My Grocer@ Putrajaya, pelbagai cabutan bertuah serta acara- acara sampingan yang lain.



(TPr. NORZITA BINTI ABDUL RAZAK)

Pengarah

Komunikasi Korporat

Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 15 Januari 2024

Keterangan lanjut berhubung siaran media ini, sila hubungi Pegawai Media PPj, Encik Mohamad Rohaizat bin Kasman di talian 017-3132590 dan Puan Haryani Binti Kaulan di talian 019-383 1564.